

Perjanjian sempadan Malaysia-Indonesia libatkan hal disetujui sahaja

Sempadan maritim Blok Ambalat, Sebatik belum selesai

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA** dan **NOR SHAFAWATIYUP**
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Perjanjian persempadanan maritim yang ditan-datangani oleh Malaysia dan Indonesia baru-baru ini tidak melibatkan kawasan blok Ambalat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, isu persempadanan di kawasan Ambalat dan beberapa kawasan lain di Sabah termasuk Pulau Sebatik belum diselesaikan antara kedua-dua negara.

“Saya katakan kepada Presiden Jokowi (Joko Widodo), kita tandatangan yang sudah diselesaikan,” katanya semasa berucap melancarkan Sentuhan Kasih Desa, Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) di Dataran Nilai di sini semalam.

Baru-baru ini, Ahli Parlimen Indera Mahkota, Datuk Seri Saifuddin Abdullah menggesa Perdana Menteri dan Menteri Luar memberi penjelasan isu blok Ambalat selepas menandatangani perjanjian sempadan maritim Malaysia-Indonesia pada 8 Jun lalu.

Anwar berkata, ketika ini, terdapat banyak fakta tidak tepat dan fitnah yang dilem-



ANWAR Ibrahim menyampaikan Bantuan Program Pembangunan Risdan Negeri Sembilan kepada pekebun kecil, Azman Salam, 68, dalam majlis Sentuhan Kasih Desa, Mini Karnival Usahawan Desa (KUD)@NS Fest di Dataran Nilai, Nilai, Seremban semalam. - MINGGUAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

parkan dalam media sosial oleh segelintir pihak berkenaan usaha kerajaan membantu rakyat.

“Perkara ini tidak betul, saya tidak mungkin tandatangan, Indonesia itu satu rumpun, hubungan satu keluarga, saya tidak mahu bermusuhan dengan Indonesia. Kita berjiran saling bergantung malah kita mahu tingkatkan persahabatan dengan Indonesia,” katanya lagi.

Sementara itu, Perdana Men-

teri sekali lagi menjelaskan kenaikan purata tarif elektrik hanya melibatkan penggunaan melebihi 1,500 kiloWatt dan tidak membebankan golongan kurang berkemampuan.

“Kempen (pembangkit) kata ia beban kepada rakyat, siapa yang putus mahu naikan dulu? Kerajaan terdahulu buat keputusan itu, ada hitam putih,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar sekali

lagi menekankan, isu kemiskinan tegar mesti dinoktahkan tahun ini dengan penglibatan semua kementerian dan agensi kerajaan.

Katanya, isu kemiskinan tegar termasuk dalam kalangan masyarakat luar bandar bukan hanya menjadi tugas Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) walaupun kementerian itu mempunyai peranan yang cukup penting.